

Pak Lah seru Melayu jihad bangun ekonomi

BH- 10/3/2007

Kekuatan ilmu mampu perkasa bangsa, ummah untuk terus bersaing

Oleh Anwar Hussin,
Amirullah Andi Nur
dan Irwan Syafrizal Ismail

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam mengajak orang Melayu melakukan jihad ekonomi dengan membina keupayaan ilmu bagi membantu bangsa sendiri dan mengukuhkan kekuatan ummah.

Perdana Menteri berkata, dengan adanya kekuatan ilmu, orang Melayu akan dapat memperkasakan diri untuk bersaing dalam dunia global yang semakin mencabar dan menjadi bangsa maju menjelang 2020.

"Saya malu apabila ada orang Melayu yang cepat putus asa dalam persaingan ekonomi. Berbeza sungguh sikap kita dalam politik, masing-masing berebut hendak mendapatkan kuasa sehingga sanggup melakukan apa saja.

"Saya bukan nak 'peleceh' bangsa saya, tetapi sekadar memberi maklum balas," katanya ketika berucap merasmikan Kongres Jihad Ekonomi 2007 anjuran Gagasan Badan Ekonomi Melayu (Gabem), di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Gabem, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik; Penasihat Gabem yang juga Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo dan Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

Gabem yang dilancarkan pada 6 Jun 2006 oleh Abdullah, adalah cetus aspirasi Majlis Tertinggi (MT) Umno bagi memastikan ekonomi bangsa Melayu dapat dibangunkan ke tahap yang boleh menjamin masa depan bangsa.

Perdana Menteri juga mahu orang Melayu melakukan hijrah minda kepada yang lebih baik dan berdaya maju melalui perubahan sikap serta kerja tersusun, diikuti pemantauan supaya setiap yang dilakukan berhasil.

"Kita nak jadi pejuang bangsa, kita jihad bantu tingkatkan ekonomi bangsa... kita tidak boleh bercakap saja, kita kena bawa bangsa ke tahap kedudukan lebih tinggi daripada sekarang.

"Kita perlu ingat perjuangan untuk anak cucu kita masih belum selesai. Perjuangan ini perlu diteruskan melalui kuasa ekonomi serta po-



KONGRES BERMULA: Abdullah melancarkan Gabem pada perasmian Kongres Jihad Ekonomi 2007 di Kuala Lumpur, semalam sambil diperhati Rahim dan Dr Khir.

“Saya malu apabila ada orang Melayu cepat putus asa dalam persaingan ekonomi. Berbeza sungguh sikap kita dalam politik, masing-masing berebut hendak mendapatkan kuasa sehingga sanggup buat apa saja”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

litik yang ada pada kita,” katanya.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri juga mengingatkan bangsa Melayu bahawa kuasa politik yang ada pada mereka boleh tergedai pada satu hari nanti jika orang Melayu tiada kekuatan ekonomi.

“Orang Melayu perlu berkuasa dalam bidang ekonomi sama seperti pencapaian mereka dalam bidang politik. Orang Melayu perlu muhasabah diri sendiri untuk mencari kelemahan dan mengatasinya,” katanya.

Mengenai kongres jihad ekonomi itu, Abdullah berkata, ia bukanlah satu peperangan jihad tetapi bermaksud menghimpunkan seluruh tenaga, mental, emosi dan fizikal untuk melakukan yang terbaik.

“Memang betul jika anda katakan bahawa adalah menjadi satu kewajipan dari segi agama bagi setiap orang Islam berjaya dalam ekonomi,” katanya.

Pada sidang media kemudian, Ab-

dullah ketika ditanya sama ada Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR) Datuk Seri Zulkipli Mat Noor dan Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Mohd Johari Baharum, perlu bercuti sehingga sia-satan terhadap mereka selesai dilakukan, Abdullah berkata: “Tidak perlu.”

Berhubung sama ada kontrak Zulkipli akan disambung atau tidak, selepas ia tamat pada hujung bulan ini, Abdullah berkata, perkara berkenaan akan dijawab bila tiba masanya.

Abdullah juga ditanya berhubung kewajaran mengguna pakai Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) terhadap projek pembinaan Empangan Kelau di Pahang yang menyalurkan bekalan air mentah ke Selangor, kerana ia dibuat pada 2001.

“Mereka yang membuat penilaian ini sudah melakukan kajian terhadap projek itu dan mereka tahu apa yang mereka lakukan,” katanya.

GHAZALI BUJANG | BERITA HARIAN